

**PERATURAN PERMAINAN TENIS****1 PERATURAN TEKNIKAL**

## 1.1 Undang - undang Permainan

- 1.1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Tenis Antarabangsa (ITF) Undang-Undang dan Persatuan Lawn Tenis Malaysia (LTAM).
- 1.1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.

## 1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

- 1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT 2024.

**2 PERATURAN PERTANDINGAN**

## 2.1 Pertandingan akan dijalankan secara Individu iaitu :

- 2.1.1 Perseorangan Lelaki
- 2.1.2 Perseorangan Wanita
- 2.1.3 Bergu Lelaki
- 2.1.4 Bergu Wanita
- 2.1.5 Bergu Campuran

## 2.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

- 2.2.1 Setiap IPT dibenarkan mendaftar tidak lebih dari dua (2) orang pemain bagi setiap acara perseorangan lelaki dan wanita.

- 2.2.2 Setiap IPT dibenarkan mendaftar tidak lebih dari dua (2) bergu (4 pemain) bagi setiap acara bergu lelaki, wanita dan campuran.
- 2.2.3 Setiap pemain dibenarkan menyertai dua (2) kategori acara sahaja.
- 2.2.4 Bilangan pendaftaran pemain dan pegawai adalah seperti berikut :

SUKAN	ATLET		PEGAWAI	JUMLAH
	LELAKI	WANITA		
Individu	8	8	3	19

### 2.3 Sistem Pertandingan

- 2.3.1 Pertandingan dijalankan secara kalah mati (knock out) mengikut Peraturan Am SUKIPT 2024.
- 2.3.2 Pada peringkat awal sehingga suku akhir, permainan akan dijalankan dengan kiraan “First To Reach 9, 8 - 8 Tie Break”.
- 2.3.3 Keputusan perlawanan separuh akhir dan akhir akan ditentukan dengan kiraan “2 + 1 Super Tie Break”.
- 2.3.4 Sistem kiraan tambahan ‘different two’ (Tie Break System) akan dijalankan apabila kiraan game’ meningkat Enam (6) sama di dalam sesuatu set.
- 2.3.5 Pada peringkat awal sehingga suku akhir, pengadil yang disediakan adalah secara “Rooming Empire”. Pada peringkat separuh akhir dan akhir “Chair Empire” akan disediakan.

## 2.4 Kelewatan dan Penangguhan

## 2.4.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT 2024

**3 PAKAIAN DAN PERALATAN**

## 3.1 Rujuk Perkara dan Peraturan Am SUKIPT 2024.

## 3.2 Pakaian Pertandingan

3.2.1 Bagi acara bergu, pemakaian baju pemain hendaklah sama dari segi warna dan corak.

3.2.2 Pakaian pemain tenis terdiri daripada seluar pendek atau seluar trek panjang, baju-T berkollar atau tanpa kollar, stoking dan kasut getah. Untuk pemain wanita pula, skirt atau seluar panjang. (Warna sebaik-baiknya putih) atau baju pasukan IPT masing-masing.

## 3.3 Peralatan Pertandingan

3.3.1 Pasukan perlu menyediakan sendiri keperluan peralatan lain yang difikirkan perlu bagi setiap perlawanan

**4 HADIAH**

4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT 2024.

4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Perseorangan Lelaki	1	1	1	1	1	1
Perseorangan Wanita	1	1	1	1	1	1
Bergu Lelaki	1	2	1	2	1	2
Bergu Wanita	1	2	1	2	1	2
Bergu Campuran	1	2	1	2	1	2
<b>JUMLAH</b>	<b>5</b>	<b>8</b>	<b>5</b>	<b>8</b>	<b>5</b>	<b>8</b>